

NUJ sanjung kejayaan PM bawa negara ke mercu kejayaan

17 JUN 1990

KUALA LUMPUR 16 Jun — Kesatuan Wartawan Kebangsaan Malaysia (NUJ) malam tadi merakamkan tahniah dan sanjungan kepada Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad ¹³ atas kejayaannya membawa negara ke mercu kejayaan.

Presiden NUI, Encik Abdullah Tahir berkata, kejayaan Perdana Menteri mengendalikan CHOGM dan Sidang K15 mencerminkan ketokohan beliau sebagai pemimpin negara yang ulung.

"Perdana Menteri telah berjaya meletakkan nama Malaysia harum di peringkat antarabangsa dan dihormati oleh masyarakat dunia," ujar beliau.

Encik Abdullah merakamkan sanjungan ini pada Majlis Malam Wartawan NUI 1990 yang diadakan di Hilton Petaling Jaya malam tadi.

Beliau menambah, hasil daripada usaha Dato' Sri Dr. Mahathir itu, Malaysia hari ini telah diberikan penghormatan yang tinggi oleh dunia dengan memegang beberapa peranan utama di peringkat antarabangsa.

Menghurai peranan terhadap isu-isu semasa, Encik Abdullah berkata, NUI tidak akan tergopoh-gapah dalam menyelesaikan apa jua masalah termasuk yang melibatkan kepentingan para wartawan.

Katanya, NUI sentiasa peka terhadap isu-isu semasa dan apa yang berlaku di sekeliling ahli-ahli tetapi tidak akan hilang pertimbangan dalam mencari penyelesaian.

"Bagi kami bertindak menyelesaikan masalah secara senyap tetapi berkesan adalah lebih baik dari melenting tanpa haluan," katanya.

Encik Abdullah berkata, sebagai badan berkecuali NUI menghormati semua pihak dan sentiasa menegakkan kepada ahli-ahli supaya melaksanakan tanggungjawab inereka sebaik mungkin serta mematuhi etika kewartawanan.

Mengenai hubungan NUI dengan pihak majikan, beliau gembira kerana hampir semua cawangan kesatuan itu telah selesai mengadakan perundingan dengan syarikat masing-masing bagi mencapai persetujuan dalam perjanjian bersama.

"Kami berterima kasih kepada pihak akhbar yang telah memberikan kejasama menyelesaikan masalah menerusi meja perundingan," katanya.

Menurut beliau, hubungan NUI dengan syarikat-syarikat akhbar amat memuaskan termasuk dalam menyelesaikan masalah berkaitan ahli-ahlinya.

Encik Abdullah menambah, NUI sentiasa berfikir terbuka dan tiada istilah "jalan buntu" terhadap proses penndingan dalam menyelesaikan masalah-masalah yang timbul.

"Kami sentiasa mencari jalan untuk menjalinkan hubungan sebaik mungkin dengan majikan. Kami yakin dengan hubungan baik itu banyak masalah boleh diatasi," katanya.